



KENYATAAN AKHBAR PRESS RELEASE

PROGRAM ECO-SCHOOLS MALAYSIA MENDAPAT SOKONGAN MGTC DAN SEKTOR SWASTA

**Agensi kerajaan MGTC bekerjasama dengan Green Growth Asia Foundation untuk membawa program pendidikan alam sekitar Eco-Schools ke seluruh Malaysia melalui jaringan syarikat MyHijau.*

Bangi, 13 Mei 2022 - Malaysian Green Technology and Climate Change Centre (MGTC) dengan kerjasama Green Growth Asia Foundation dan Tabung Alam Sedunia - Malaysia (World Wide Fund for Nature - Malaysia) telah mengadakan program Eco-Schools Malaysia yang diadakan di ibu pejabat MGTC pada 13 Mei yang lalu. Program itu berjaya memberikan taklimat kepada lebih 60 syarikat swasta bertemakan Pendidikan Ke Arah Pembangunan Mampan.

Taklimat tersebut memberi tekanan terhadap Pendidikan untuk Pembangunan Mampan, salah satu pemangkin yang menjadi asas kepada semua Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) yang didokong oleh Kerajaan Malaysia. SDG merupakan panduan untuk kerajaan merangka dasar bagi memastikan masa hadapan yang mampan merangkumi semua cabaran pembangunan dunia moden, termasuk ekonomi, sosial, dan alam sekitar.

Program pendidikan kelestarian alam Eco-Schools ini dibawa kepada sekolah-sekolah rendah dan menengah di dalam usaha meningkatkan kemahiran generasi muda di dalam menangani isu-isu perubahan iklim yang kian melanda negara.

Ketua Pegawai Eksekutif MGTC, Ts. Shamsul Bahar Mohd Nor, berkata, pihaknya akan berusaha membawa Program Eco-Schools ke semua sekolah di Malaysia. Program ini menggunakan pendekatan kaedah pembelajaran "project-based learning" yang telah terbukti keberkesannya melalui pelaksanaan edisi terdahulu di dalam memberi perubahan positif pada pelajar-pelajar untuk lebih aktif dan berkemahiran menjaga kelestarian alam sekitar di keliling mereka hari ini. Kelak, mereka akan menjadi teknologis alam sekitar yang berdaya saing dan memiliki kemahiran tinggi untuk menyelesaikan pelbagai permasalahan alam sekitar di Malaysia dan di rantau Asia.

Ketua Program Market dan Pendidikan, WWF-Malaysia Encik Thiagarajan Nadeson menerangkan, "Program Eco-Schools ini melibatkan proses pembelajaran kontekstual, masteri, berasaskan inkuiri, projek dan sebagainya yang selari dengan aspirasi pendidikan formal di Malaysia dan pendidikan progresif di peringkat global. Berpandukan Methodologi 7-langkah yang digunakan di lebih 70 negara di dunia, program ini berkemampuan untuk mendidik murid dan warga sekolah mengenal pasti masalah alam sekitar dipersekitaran sekolah dan mengambil langkah untuk mengatasinya selaras dengan slogan *Think Globally, Act Locally.*"

Pengarah Eksekutif Green Growth Asia Foundation, Ts Dr Mahadi Mohamad menyatakan wawasannya untuk Program Eco-Schools adalah untuk mencapai 100 sekolah di setiap negeri menjelang 2025. Di dalam tiga tahun akan datang ini, pihak GGAF akan bergerak ke semua negeri untuk memberi taklimat kepada pihak swasta dan perbadanan negeri berkenaan perlunya Pendidikan Eco-Schools di sekolah-sekolah negeri mereka.

Setakat ini, pihak GGAF telah berjaya membawa program Eco-Schools kepada 130 buah sekolah di Melaka, 20 buah sekolah di Perak dan 12 sekolah di Kedah (Langkawi) dengan sumbangan daripada pihak swasta, yayasan dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC). MGTC berkongsi matlamat inisiatif ini dan ingin menguatkan lagi implementasi program ke seluruh Malaysia dengan sumbangan dana daripada sektor swasta.

MALAYSIAN GREEN TECHNOLOGY AND CLIMATE CHANGE CORPORATION [199801006110 (462237-T)]

(Formerly known as Malaysian Green Technology and Climate Change Centre)

No.2, Jalan 9/10, Persiaran Usahawan, Seksyen 9,

43650 Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

Tel: +603-8921 0800 Fax: +603-8921 0801/0802 WhatsApp: +6019-308 8286

Email: info@mgtc.gov.my | www.mgtc.gov.my

-Tamat-

Mengenai kami

Malaysian Green Technology and Climate Change Centre (MGTC) adalah agensi Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) yang diberi mandat bagi memacu negara di dalam skop Mempercepatkan Pertumbuhan Hijau, Memajukan Mitigasi Perubahan Iklim dan Menyokong Budaya Gaya Hidup Hijau. Peranan utama MGTC sebagai pemangkin pertumbuhan ekonomi hijau adalah berpandukan Dasar Teknologi Hijau Negara (NGTP), Dasar Perubahan Iklim Negara (NCCP) dan Pelan Induk Teknologi Hijau (GTMP). MGTC melaksanakan inisiatif dan program yang memberikan perincian khusus dalam mencapai impak jangka panjang kepada Nationally Determined Contribution (NDC) Mengurangkan intensiti pelepasan gas rumah hijau (GHG) KDNK sebanyak 45% (tanpa syarat) menjelang 2030 berbanding intensiti pelepasan KDNK pada tahun 2005, meningkatkan kadar KDNK daripada teknologi hijau sebanyak RM100 Billion dan penjanaaan sebanyak 230,000 peluang pekerjaan hijau.

Perhubungan Media

Intan Syazwani Isa
Head of Corporate Communications
MGTC
012-7023110
comms@mgtc.gov.my